

R GB 07-07 00177 HA928

aab

MAHATHIR RASMI MEMORIAL TUNKU

Memorial

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan projek Memorial Tunku Abdul Rahman Putra dengan harapan ia akan mengingatkan masyarakat terhadap sumbangan bekas Perdana Menteri itu kepada negara, bangsa dan agama.

Perdana Menteri berkata seluruh rakyat dan setiap generasi perlu menginsafi perjuangan dan pengorbanan bagi membina dan memelihara kedaulatan dan kemakmuran negara.

+Walaupun kita sedang berusaha mendirikan sebuah monumen bagi Almarhum Tunku, monumen sebenar baginya ialah negara Malaysia yang berbilang kaum yang hidup aman damai.

+Tidak ada penghargaan kepada Almarhum Tunku yang lebih daripada usaha rakyat berbilang kaum Malaysia mengekalkan perhubungan harmoni antara mereka,+ kata beliau pada majlis pelancaran projek memorial itu di Bangunan Residen dalam kompleks Jabatan Perdana Menteri di Jalan Datuk Onn di sini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba, menteri-menteri, para pegawai kanan kerajaan dan ketua perwakilan asing serta kaum keluarga Almarhum Tunku yang diketuai dua anakandanya Tunku Amat Nerang dan Tunku Khadijah. -- Lagi.

▼07/07/12-54MST

R GB 07-07 00168 BH306

Aab

Memorial 2 Kuala Lumpur

Tunku yang "dikenali sebagai +Bapa Kemerdekaan+ mula menerajui pemerintahan negara pada tahun 1955 sebagai Ketua Menteri dan dua tahun kemudian menjadi Perdana Menteri apabila negara merdeka sehingga meletakkan jawatan pada tahun 1970.

Almarhum kembali ke Rahmatullah pada 6 Dis 1990 pada usia 87 tahun..

Dr Mahathir berkata projek memorial itu bukanlah untuk mendewa-dewakan seorang tokoh negara tetapi untuk memperlihatkan kepada rakyat terutama generasi akan datang perjuangan bekas Perdana Menteri itu.

+Memorial ini akan memainkan peranan penting sebagai pusat penyelidikan mengenai negarawan yang dikasihi dan dihormati dan yang banyak menyumbangkan bakti kepada negara dan rakyat,+ katanya.

Xatanya, memorial itu akan dapat melengkapkan khazanah sejarah negara yang telah bermula dengan pelancaran memorial Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kedua, 10 tahun lepas.

Beliau menghuraikan pentingnya sesuatu bangsa melihat kepada sejarah untuk menginsafi kedudukan mereka dalam sejarah kemanusiaan dan alam semesta serta memberikan tenaga dan landasan dalam menempa dan membentuk tamadun baru. -- Lagi

▼07/07/13-15MST

Memorial 3 Kuala Lumpur

+Memahami sejarah Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku adalah memahami sejarah perjuangan kemerdekaan bangsa Malaysia, + katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia terkenal dengan pembangunannya yang amat pesat kerana negarn berbilang kaum ini aman dan tenteram.

+Walaupun ini dianggap perkara biasa sekarang tetapi di waktu Malaysia mencapai kemerdekaan ramai yang meramalkan bahawa Malaysia akan hancur kerana kaum-kaum di Malaysia akan bersengketa dan bermusuhan antara satu sama lain apabila penjajah meninggalkan negara,+ katanya.

Perdana Menteri berkata keadaan hidup rukun damai dan keadaan negara selamat dan aman adalah hasil falsafah Almarhum Tunku yang mencipta asas perpaduan kaum di Malaysia.

Yemilihan hangunan Residensi itu, yang menjadi kediaman Almarhum Tunku dari tahun 1956 hingga 1970, sebagai memorial adalah amat sesuai kerana sebahagian besar perbincangan, keputusan dan tindakan yang mempengaruhi sejarah negara telah dibuat di bangunan itu. -- Lagi.

▼07/07/13-52MST

CNS4607

RGB 07-07 00095 BA931

aab

Memorial 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berharap rakyat akan membantu menjayakan projek itu dengan menyumbang derma kepada Tabung Amanah Memorial Tunku Abdul Rahman Putra untuk pembinaan tambahan dan penyenggaraannya.

+Untuk menjadikan Memorial Tunku Abdul Rahman ini sebagai satu monumen yang boleh dibanggakan oleh rakyat dan akan dikunjungi oleh segala lapisan masyarakat dan pelawat, Memorial ini perlu disediakan dengan kemahiran dan kepakaran serta peruntukan yang cukup.

+Sumbangan rakyat akan menunjukkan penghargaan kepada seorang pemimpin dan negarawan yang disayangi dan dihormati,+ katanya. -- Bernama

▼07/07/13-54MST